

PROGRAM PEMANTAPAN KOMUNIKASI, INOVASI DAN DIGITAL NEGERI PERAK 2024

COMME SEDIAKAN RUANG DAN PELUANG KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT BAGI PEMBUDAYAAN DAN PEMERKASAAN INOVASI DAN PENDIGITALAN

IPOH, NOVEMBER 15, 2024 – Satu program yang diterajui oleh Pejabat Pengerusi Komunikasi, Multimedia dan NGO (COMME), iaitu “Program Pemantapan Komunikasi, Inovasi dan Digital Negeri Perak 2024” telah berlangsung selama 2 hari bermula semalam, di Kompleks Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri Perak.

Program ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti ceramah, kolokium, bual bicara dan pameran yang bertemakan keselamatan siber, kepimpinan dan aplikasi dalam pendidikan digital, teknologi kecerdasan buatan (AI), e-sukan dan keusahawanan digital.

Program ini telah disertai oleh lebih 2,500 orang pelajar sekolah rendah dan menengah, pendidik, ketua sekolah dan juga 20 pempamer rakan strategik seperti Cybersecurity Malaysia (CSM), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) HQ dan Negeri Perak, Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak), Pertubuhan Usahawan Teknologi Inovasi dan Kreativiti Kinta Perak (PUTIK) dan lain-lain.

Satu sesi “business pitching” juga turut diadakan bagi para usahawan untuk mempertandingkan idea-idea inovasi perniagaan mereka.

"Dengan kerjasama antara Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Digital Perak, kami berharap dengan mengadakan platform dan program seperti ini, ilmu pengetahuan dan kemahiran teknologi digital terkini dapat disampaikan kepada rakyat Perak bagi meningkatkan pendedahan dan pembudayaan teknologi ICT (teknologi komunikasi dan maklumat) dan inovasi. Program ini juga akan dijadikan sebagai program tahunan di mana pada tahun pertama ini lebih memfokuskan kepada program kesedaran," kata YB Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi, Pengerusi COMME, dalam majlis perasmian penutup program ini.

“Bersempena dengan majlis ini, saya menyaksikan juga pertukaran Memorandum Persetujuan (MoA) bagi cashless school dan beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) bagi inisiatif-inisiatif *Smart City*. Ini adalah untuk memudah cara dan mempercepatkan inisiatif-inisiatif ini, yang berpusat di bandar raya Ipoh melalui kerjasama Kerajaan Negeri dengan pihak MCMC.





Melalui kerjasama ini, penerimgunaan inisiatif dan program berpaksikan *data security*, *digital signature* dan *cashless* difokuskan supaya boleh disepadukan dan dibangunkan secara mampan,” tambah beliau lagi.



Turut hadir ke program tersebut adalah Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Encik Mohamad Suhaimi bin Mohamad Tahir.

Menyentuh mengenai program ini, Encik Mohamad Suhaimi bin Mohamad Tahir menekankan kepentingan inisiatif seperti ini bagi mencetus minat anak-anak muda dan golongan belia untuk meningkatkan kemahiran digital mereka serta memilih kerjaya berlandaskan bidang teknologi ICT yang selaras dengan keperluan industri IR4.0 seperti keselamatan siber, kecerdasan buatan dan robotik.



Inisiatif ini selari dengan agenda Perak Sejahtera 2030 di bawah *flagship* 11 - Ekonomi Digital serta Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak yang merangkumi pembangunan modal insan yang lebih peka digital, berdaya saing dan dinamik dalam menghadapi cabaran baharu alaf digital melalui penggabungan usaha daripada pihak Kerajaan Negeri, sektor swasta dan akademik.